



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Naizatul Akma Mohd Mokhtar & Mokhtar Saidin. (2024). Perkembangan, cabaran dan sumbangan arkeologi awam di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 13-21.
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.2>

PERKEMBANGAN, CABARAN DAN SUMBANGAN ARKEOLOGI AWAM DI MALAYSIA

*(Development, Challenges and Contributions of
Public Archaeology in Malaysia)*

¹Naizatul Akma Mohd Mokhtar & ²Mokhtar Saidin

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia

²Persatuan Ancked Kedah, Parkir Tapak Arkeologi Sungai Batu,
08100 Bedong, Kedah, Malaysia.

¹*Corresponding author: n.akma.mohd@uum.edu.my*

Received: 28/7/2024

Revised: 18/8/2024

Accepted: 19/8/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Arkeologi awam di Malaysia telah berkembang dengan ketara melalui integrasi pelbagai amalan yang melibatkan masyarakat dalam pemahaman, pemuliharaan warisan arkeologi dan pembangunan ekonomi melalui arkeopelancongan. Artikel ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai arkeologi awam di Malaysia dengan menyoroti sejarah, amalan semasa serta isu dan cabaran dalam pemeliharaan dan promosi warisan arkeologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data sekunder yang berkaitan dengan arkeologi awam di Malaysia. Pembangunan arkeologi awam dicapai melalui pelbagai inisiatif seperti pendidikan komuniti, promosi arkeopelancongan, dan penglibatan komuniti

dalam pengurusan tapak arkeologi. Usaha ini tidak hanya membantu melindungi tapak bersejarah tetapi juga memupuk penghargaan masyarakat terhadap warisan budaya. Namun, bidang ini terus berdepan cabaran seperti tekanan pembangunan, kekurangan pakar dan penglibatan komuniti yang terhad. Kajian ini juga membincangkan sumbangan arkeologi awam dalam pendidikan, penyelidikan dan ekonomi, serta menekankan keperluan untuk penambahbaikan dalam rangka kerja perundangan, penglibatan komuniti yang lebih luas dan kerjasama antara pihak berkepentingan bagi memastikan kelestarian warisan arkeologi di Malaysia.

Kata kunci: Arkeologi awam, arkeopelancongan, sejarah

ABSTRACT

Public archaeology in Malaysia has significantly evolved through the integration of various practices that engage the community in the understanding, preservation of archaeological heritage, and economic development through archaeotourism. This article provides a comprehensive overview of public archaeology in Malaysia, highlighting its history, current practices, as well as the issues and challenges in the preservation and promotion of archaeological heritage. The study employs a qualitative approach by collecting secondary data related to public archaeology in Malaysia. The development of public archaeology has been achieved through various initiatives such as community education, archaeotourism promotion, and community involvement in the management of archaeological sites. These efforts not only help protect historical sites but also foster community appreciation for cultural heritage. However, the field continues to face challenges such as development pressure, a shortage of experts, and limited community involvement. This study also discusses the contributions of public archaeology in education, research, and the economy, while emphasizing the need for improvements in the legal framework, broader community engagement, and collaboration among stakeholders to ensure the sustainability of Malaysia's archaeological heritage.

Keywords: Public archaeology, archaeotourism, history

PENGENALAN

Cabang arkeologi awam (*public archaeology*) adalah bidang dalam arkeologi yang menekankan interaksi antara ahli arkeologi dan masyarakat umum (Pyburn, 2011). Arkeologi awam memberikan platform untuk pendidikan dan kesedaran tentang pentingnya warisan budaya dan sejarah kepada masyarakat. Bidang arkeologi awam tercetus apabila ahli arkeologi melihat keperluan untuk mendapatkan kerjasama daripada komuniti setempat bagi memahami bidang arkeologi dan membantu memelihara warisan arkeologi. Melalui pembelajaran dan penglibatan, masyarakat dapat lebih memahami kepentingan pemeliharaan dan perlindungan warisan arkeologi. Mereka boleh membantu mengawasi tapak-tapak bersejarah di kawasan mereka dan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa tapak-tapak ini dijaga dengan baik

untuk manfaat generasi akan datang. Pendekatan arkeologi awam juga semakin berkembang apabila adanya inisiatif untuk membangunkannya menjadi sumber ekonomi baru melalui industri arkeopelancongan. Usaha Universiti Sains Malaysia dibawah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global merupakan universiti pertama di Malaysia yang memasarkan produk arkeopelancongan di dalam universiti, Lembah Lenggong, Perak dan Lembah Bujang, Kedah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data sekunder seperti buku, artikel dan rekod laporan arkeologi yang berkaitan aktiviti arkeologi awam di Malaysia. Data-data kualitatif tersebut dianalisis secara deskriptif untuk mengkaji isu dan cabaran serta sumbangan arkeologi awam di Malaysia.

ARKEOLOGI AWAM DI MALAYSIA

Kajian arkeologi di Malaysia telah bermula pada tahun 1860 melalui eksplorasi oleh G.W. Earl di Seberang Prai yang menyaksikan penemuan rangka manusia dalam timbunan cengkerang (Zuraina, 2003). Perkembangan arkeologi berterusan sehingga tertubuhnya muzium Perak pada tahun 1900 yang aktif menjalankan penyelidikan. Kajian arkeologi di Malaysia seterusnya dipelopori oleh penyelidik tempatan yang melibatkan jabatan muzium dan universiti tempatan. Pada tahun 1995 tertubuhnya Pusat Arkeologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia yang berperanan khas dalam penyelidikan arkeologi (Zuraina, 2003). Walau bagaimanapun, sehingga kini bidang ini masih kurang perhatian dan pemahaman dalam masyarakat. Pelbagai langkah telah diambil oleh beberapa badan bertanggungjawab seperti Jabatan Warisan Negara, Jabatan Muzium dan universiti tempatan bagi mengetengahkan dan memperkenalkan bidang ini dalam pengetahuan masyarakat. Akhirnya bidang arkeologi sendiri telah wujud cabang khas yang dinamakan sebagai arkeologi awam yang bertugas sebagai penghubung dunia arkeologi dengan masyarakat.

Bidang arkeologi awam di Malaysia telah mula mendapat perhatian sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Bidang ini telah berkembang dengan pesat melalui aplikasi pendekatan yang lebih saintifik dan interdisiplinari. Pentingnya kesedaran awam dalam masyarakat adalah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan kerana jumpaan arkeologi amat berkait rapat dengan sejarah dan prasejarah masyarakat lampau. Peningkatan kesedaran ini turut membantu dalam memelihara dan menghargai khazanah sejarah. Amalan semasa arkeologi awam di Malaysia merangkumi usaha untuk melibatkan komuniti tempatan dalam pengurusan warisan, antaranya ialah 1) inisiatif penglibatan komuniti, 2) pendidikan komuniti, 3) penglibatan dalam pengurusan, 4) promosi dan 5) arkeopelancongan (Jadual 1). Projek inisiatif penglibatan komuniti seperti di tapak lukisan gua prasejarah Gua Tambun bertujuan untuk memupuk penglibatan dan kesedaran komuniti (Goh *et al.*, 2019). Hasil kajian komuniti di Gua Tambun mendapati penglibatan komuniti tempatan dalam perancangan pengurusan adalah agak rendah.

Jadual 1

Aktiviti arkeologi awam di Malaysia

No.	Aktiviti Arkeologi Awam	Penerangan	Contoh
1.	Inisiatif penglibatan Komuniti	Usaha untuk melibatkan komuniti tempatan dalam pengurusan warisan.	Projek penglibatan komuniti di tapak lukisan gua prasejarah Gua Tambun yang memupuk penglibatan komuniti melalui kesedaran dan pembangunan kapasiti tempatan (Goh <i>et al.</i> , 2019).
2.	Pendidikan Komuniti	Program pendidikan yang bertujuan untuk memberitahu dan melibatkan komuniti tempatan tentang kepentingan warisan arkeologi.	Program pendidikan yang membangunkan kesedaran dan pengetahuan komuniti tentang tapak-tapak arkeologi tempatan. Contoh seperti bengkel dan taklimat.
3.	Penglibatan dalam pengurusan	Melibatkan komuniti tempatan dalam proses membuat keputusan berkaitan pengurusan dan pemuliharaan tapak arkeologi.	Projek yang menggalakkan penglibatan komuniti dalam membuat keputusan mengenai pemuliharaan tapak-tapak bersejarah.
4.	Promosi	Promosi melibatkan usaha untuk mengetengahkan produk arkeopelancongan dan tapak-tapak warisan arkeologi.	Festival Kedah Tua 2016 Festival Warisan Kedah Tua 2023
5.	Arkeopelancongan	Membangunkan pelancongan yang berkaitan dengan tapak arkeologi untuk menjana pendapatan dan meningkatkan kesedaran tentang warisan arkeologi.	Promosi arkeopelancongan di Lembah Lenggong, Tapak Warisan Dunia, untuk meningkatkan pelancongan warisan dan menjana manfaat ekonomi (Stafa <i>et al.</i> , 2018).

Program arkeologi awam yang dijalankan melalui pendidikan bertujuan untuk menyebarkan ilmu arkeologi dan pemeliharaan warisan arkeologi kepada komuniti setempat termasuk pelajar, belia, pihak berkepentingan dan pemain industri. Kerjasama dengan pihak sekolah boleh diwujudkan melalui program sahabat arkeologi, jemputan pelajar sekolah ke tapak arkeologi serta pameran di sekolah-sekolah berdekatan. Program pendidikan juga dijalankan secara bengkel dan taklimat kepada pemandu pelancong, golongan pempengaruh dan pemain industri. Pihak berkepentingan dan pemain industri juga merupakan komuniti tempatan yang perlu dilibatkan dalam proses membuat keputusan berkaitan pengurusan dan pemuliharaan tapak arkeologi. Golongan ini boleh berperanan sebagai tulang belakang kepada institusi kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia dalam proses pengurusan dan pemuliharaan tapak arkeologi.

Selain itu, program berbentuk promosi memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat seperti Festival Warisan Kedah Tua 2023, Festival Kedah Tua 2016, program Jom Cari Kedah Tua, kem arkeologi muda, pertandingan fotografi, pertandingan explore race yang melibatkan maklumat dan aktiviti di tapak Sungai Batu serta beberapa siri pameran. Penganjuran Festival Kedah Tua pada bulan Mei 2016 menyaksikan kedatangan lebih daripada 6000 pengunjung dengan rekod penyertaan bagi aktiviti ekskavasi sebanyak 98 peserta, pembuatan bata sebanyak 128 peserta dan eksperimen melebur besi sebanyak 85 peserta (Foto 1a,b). Festival Warisan Kedah Tua tahun 2023 pula telah berjaya mengangkat tiga produk ikonik Kedah Tua iaitu kraf tuyere dan relau serta air nirah nipah dan makanan tradisi Gedung Chak. Selain dari program yang dinyatakan, hebahan berita dan maklumat tentang arkeologi Sungai Batu turut dicatatkan dalam akhbar tempatan dan luar negara, serta beberapa siri dokumentari seperti Majalah 3, slot RTM dan berita.

Gambar 1



Nota: Aktiviti peleburan besi yang dijalankan semasa Festival Kedah Tua 2016.

Gambar 2



Nota: Aktiviti peleburan besi yang dijalankan semasa Festival Kedah Tua 2016.

Membangunkan pelancongan yang berkaitan dengan tapak arkeologi adalah penting untuk menjana pendapatan dan meningkatkan kesedaran tentang warisan arkeologi. Arkeopelancongan merupakan salah satu inisiatif sumber ekonomi baru bagi penduduk yang berdekatan dengan tapak arkeologi. Sebagai contoh, promosi arkeopelancongan di Lembah Lenggong, tapak warisan dunia dapat meningkatkan pelancongan warisan dan menjana manfaat ekonomi (Stafa *et al.*, 2018). Arkeopelancongan yang dilaksanakan di tapak Lembah Lenggong, Perak, tapak Sungai Batu, Kedah dan tapak lukisan Gua Tambun, Perak melibatkan lawatan dan aktiviti praktikal yang memerlukan penglibatan peserta. Lawatan beserta aktiviti ini dapat menarik minat peserta untuk menyertai dan memudahkan pemahaman mereka tentang aktiviti masyarakat lampau.

ISU DAN CABARAN

Arkeologi awam adalah cabang penting dalam pemeliharaan dan penyebaran pengetahuan mengenai warisan sejarah dan budaya. Walau bagaimanapun, arkeologi awam menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani untuk memastikan kelestariannya. Antara isu dan cabaran utama dalam bidang arkeologi termasuk tekanan pembangunan ekonomi yang pesat, kekurangan pakar mahir, penglibatan komuniti yang terhad, serta kelemahan dalam rangka kerja perundangan dan penguatkuasaan yang kukuh.

Tekanan pembangunan ekonomi sering menimbulkan ancaman kepada tapak-tapak arkeologi, menyebabkan risiko kerosakan atau kemusnahan. Perlindungan dan pemuliharaan tapak seperti Lembah Lenggong dan Lembah Bujang memerlukan perjuangan berterusan untuk mengimbangi pembangunan dan pemeliharaan warisan (Soon, 2017). Kajian Zuraida dan Zuliskandar (2016) menyatakan bahawa kebanyakan tapak arkeologi di Baling telah mengalami kerosakan atau kemusnahan lapisan budaya akibat daripada aktiviti yang dilakukan

oleh manusia, termasuk yang dijadikan kawasan pertanian. Sekiranya tiada tindakan yang diambil, tapak-tapak arkeologi ini akan terus mengalami kemusnahan dan negara akan kehilangan data dan prasejarah warisan.

Kekurangan pakar mahir dalam bidang arkeologi memberikan kesukaran dalam menjalankan kajian dan pemuliharaan tapak dengan berkesan. Kajian arkeologi memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus seperti ekskavasi, analisis artifak dan interpretasi data untuk memastikan kajian dilaksanakan dengan tepat dan efisien. Selain itu, kekurangan pakar juga bermaksud ketiadaan mentor untuk melatih generasi baru arkeologis. Ini boleh menyebabkan jurang pengetahuan dan kemahiran dalam jangka masa panjang. Sebagai contoh, kekurangan pakar terlatih dan sumber kewangan yang terhad telah menjejaskan keupayaan muzium di Malaysia untuk menyimpan dan memulihara artifak dengan baik (Soon, 2017). Oleh itu, bidang arkeologi perlu diserapkan ke dalam kurikulum di sekolah atau peringkat universiti untuk melahirkan lebih banyak pakar arkeologis.

Selain itu, cabaran untuk memastikan penglibatan komuniti dalam pengurusan warisan arkeologi bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak projek masih menghadkan input dan penyertaan komuniti tempatan (Goh *et al.*, 2019). Projek di tapak lukisan gua prasejarah Gua Tambun, Perak, tapak Lembah Lenggong dan tapak arkeologi Sungai Batu adalah contoh penglibatan komuniti melalui kesedaran dan pembangunan kapasiti tempatan. Walau bagaimanapun, penglibatan komuniti yang terhad membantutkan usaha pemuliharaan kerana kurangnya kesedaran dan sokongan dari masyarakat setempat. Sikap tidak berminat dalam kalangan dewasa atau penjaga juga menyumbang kepada kekurangan pendedahan dan galakan kepada golongan muda khususnya kanak-kanak. Selain itu, kedudukan tapak-tapak arkeologi yang terpencil dan jauh dari kawasan pembangunan juga menjadi penghalang untuk mendekatkan masyarakat dan komuniti dengan dunia arkeologi sejarah.

Akhirnya, pengurusan warisan yang berkesan memerlukan rangka kerja undang-undang yang kukuh dan mekanisme penguatkuasaan. Konteks perundangan semasa di Malaysia menyediakan asas, tetapi terdapat ruang untuk penambahbaikan untuk meningkatkan usaha pemuliharaan (Soon, 2017). Rangka kerja perundangan dan penguatkuasaan yang lemah menyukarkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan arkeologi secara berkesan. Oleh itu, penambahbaikan dalam aspek-aspek ini adalah kritikal untuk memastikan kelestarian warisan arkeologi.

SUMBANGAN

Arkeologi awam di Malaysia melibatkan penyertaan aktif komuniti dalam penemuan, pemeliharaan, dan promosi warisan arkeologi. Pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam melindungi tapak sejarah tetapi juga memupuk penghargaan dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap warisan budaya dalam kalangan masyarakat. Antara sumbangan utama arkeologi awam ialah meningkatkan pengetahuan dan penyelidikan arkeologi, pembangunan pendidikan dan menjana ekonomi melalui industri arkeopelancongan.

Kerja arkeologi di Lembah Lenggong, sebuah tapak warisan dunia UNESCO, telah memberikan pandangan yang signifikan tentang zaman prasejarah Malaysia. Kawasan ini telah menjadi tumpuan pelancongan warisan dan penglibatan komuniti awam dalam

penyelidikan arkeologi (Soon, 2017). Arkeologi awam juga penting dalam pembangunan pendidikan. Sebagai contoh, silibus mata pelajaran sejarah murid tahun 4 telah mendedahkan mereka kepada zaman prasejarah dan kerajaan Melayu awal seperti tamadun Sungai Batu (Sivarajan *et al.*, 2020). Kajian menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah di Lembah Bujang menunjukkan minat yang tinggi terhadap arkeologi dan kefahaman tentang kepentingannya. Program pendidikan dan projek arkeologi tempatan telah menjadi kunci dalam meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap warisan budaya dalam kalangan belia (Barghi *et al.*, 2017).

Akhirnya, industri arkeopelancongan menunjukkan potensi manfaat ekonomi dalam memelihara dan mempromosikan tapak arkeologi. Penggunaan *Market Appeal-Robusticity Matrix* untuk menilai potensi pelancongan tapak warisan seperti Lembah Lenggong telah menyediakan strategi untuk mengimbangi pemeliharaan warisan dengan pembangunan pelancongan. Ini membantu dalam membuat keputusan perancangan yang berinformasi yang melindungi aset budaya sambil meningkatkan daya tarikannya kepada pelancong (Stafa *et al.*, 2018).

KESIMPULAN

Kemunculan arkeologi awam di Malaysia menunjukkan perkembangan positif dalam usaha melibatkan masyarakat dalam pemuliharaan dan pemahaman warisan arkeologi. Melalui pelbagai projek dan pendekatan baru, terdapat potensi besar untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap warisan arkeologi Malaysia. Namun, arkeologi awam di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, antaranya tekanan ekonomi, kekangan sumber dan keperluan untuk penglibatan komuniti yang lebih besar. Walaupun begitu, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam pemeliharaan warisan arkeologi Malaysia. Usaha berterusan untuk mengimbangi pembangunan dengan pemuliharaan, bersama dengan penglibatan komuniti yang dipertingkatkan dan rangka kerja perundangan yang lebih kukuh, adalah penting untuk pengurusan lestari tapak arkeologi di Malaysia. Pendekatan komprehensif yang mengintegrasikan penglibatan komuniti, mengukuhkan rangka kerja perundangan, mengagihkan sumber yang mencukupi, dan mempromosikan arkeopelancongan adalah penting untuk menangani cabaran. Dengan melaksanakan kaedah-kaedah ini, Malaysia dapat meningkatkan pemeliharaan dan penghargaan terhadap warisan arkeologi yang kaya. Kerjasama yang baik antara institusi kerajaan, agensi swasta, pihak berkepentingan serta komuniti setempat adalah penting untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh arkeologi awam di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Barghi, R., Zakaria, Z, Jaafar, M. dan Hamzah, A. (2017). Students' awareness and attitudes toward archaeological conservation: Bujang Valley. *Journal of Cultural Heritage Management an Sustainable Development*, 7, 48-56.
- Hassan, Z. & Ramli, Z. (2016) Penyelidikan arkeologi di Kedah: perbincangan mengenai tapak prasejarah dan proto sejarah. Dalam Akin Duli, Burhanuddin Arafah, Zuliskandar Ramli, Muhlis Hadrawi, Tadjuddin Maknun, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Andi dan Muhammad Akhmar (ed), *Penyelidikan Arkeologi di Kedah: Perbincangan mengenai Tapak Prasejarah dan Protosejarah*. Proseding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Budaya dan Bahasa di Alam Melayu Nusantara (ASBAM) Ke-5. Makassar. Fakultas Ilmu Budaya Universitas Hasanuddin, 93-104.
- Goh, H. M., Saw, C. Y., Shahidan, S., Saidin, M., & Curnoe, D. (2019). Community heritage engagement in Malaysian archaeology: A case from the prehistoric rock art site of Tambun. *Journal of Community Archaeology & Heritage*, 6(2), 110-121.
- Majid, Z. (2003). *Archaeology in Malaysia*. Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia.
- Pyburn, K. A. (2011) Engaged Archaeology: Whose Community? Which Public? Dalam Okamura, K dan A. Matsuda (ed), *New Perspectives in Global Public Archaeology*. Springer New York Dordrecht Heidelberg London, 29 – 42.
- Sivarajan, A/L, Ramli, A.H. & Taib, N.S (2020) *Buku Teks Tahun 4 Sejarah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Soon, S. (2017). Protection and conservation of archaeological heritage in Malaysia: Issues and challenges. Dalam *Cultural heritage management in Malaysia and Singapore: Past, present, and future perspectives*, 29-43.
- Stafa, R. M., Roslan, M., Aziz, A., Shafeea, L. M., & Mokhtar, S. (2018). The application of market appeal robusticity matrix: A case study of the archaeological heritage of Lenggong Valley, Perak, Malaysia. *Geojournal of Tourism and Geosites*, 23(3), 702.